

Lori, tayar dan kemalangan sampai bila hantui kita?



Ketua Laboratori
Institut Pengajian
Sains Sosial,
Universiti Putra
Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Haliza
Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Kemalangan berpunca daripada kenderaan berat seperti treler, lori dan bas adalah masalah serius di Malaysia kerana antara penyumbang utama kepada kes kematian nahas jalan raya.

Terbaharu adalah kemalangan membabitkan lori dan dua kenderaan di Kilometer 58.1 Lebuhraya Utara Selatan dekat Kluang, Johor mengorbankan lima nyawa.

Januari lalu, tujuh maut dalam kemalangan membabitkan treler dan kenderaan pelbagai guna (MPV) di Kilometer 204 Lebuhraya Utara-Selatan arah

utara dekat Alor Gajah, Melaka.

Pada 2022, statistik menunjukkan kemalangan membabitkan lori dan treler menyumbang lebih 25 peratus daripada jumlah kemalangan maut.

Pada 2023, terdapat 215 kematian dilaporkan akibat kemalangan pelbagai jenis lori termasuk lori muatan berat dan treler, mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Terdapat pelbagai faktor menyebabkan kemalangan ini dan penyelesaian kepada masalah ini memerlukan pendekatan menyeluruh dan tuntas.

Rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menunjukkan sekitar 30 peratus kemalangan membabitkan lori dan treler disebabkan faktor muatan berlebihan, pemanduan laju dan penyelenggaraan kenderaan tidak mencukupi.

Faktor lori membawa beban melebihi had dibenarkan sehingga mengganggu kestabilan kenderaan menjadi antara penyumbang utama nahas.

Lori membawa muatan berlebihan lebih mudah tergelincir atau terbalik terutama apabila terpaksa mengelak halangan di jalan raya atau ketika menuruni bukit curam.

Muatan berlebihan boleh mengurangkan prestasi kenderaan dalam aspek kawalan, brek dan kestabilan. Kenderaan membawa beban berlebihan lebih berisiko mengalami kecelakaan serius kerana brek dan sistem suspensi tidak berfungsi dengan baik.

Menurut statistik JPJ, 15 peratus kemalangan membabitkan lori dan treler di Malaysia berpunca daripada masalah teknikal seperti kegagalan brek dan tayar.

Lori tidak diselenggara dengan baik seperti tayar haus dan brek tidak berfungsi dengan sempurna boleh menyebabkan kegagalan teknikal semasa perjalanan. Ini boleh menyebabkan kenderaan terbabas atau hilang kawalan.

Lori membawa muatan berat memerlukan tayar kuat dan tahan lasak. Tayar yang pecah atau haus boleh menyebabkan pemandu hilang kawalan terutama ketika melintasi selekoh tajam atau apabila dipandu pada kelajuan tinggi dan menyebabkan kemalangan serius.

Selain itu, terdapat pemandu lori yang menga-

malkan pemanduan berbahaya seperti memandu dengan laju, tidak menjaga jarak selamat serta mengabaikan tanda amaran di jalan raya. Ini semua meningkatkan risiko kemalangan.

Hal ini kerana pemandu lori dan treler sering kali terdedah kepada tekanan masa untuk menghantar muatan menyebabkan mereka terdorong memandu secara melulu atau tidak berhempah seperti memecut atau memotong kenderaan lain secara berbahaya.

Malah, terdapat juga pemandu lori tidak berpengalaman atau kurang latihan. Data dari Persatuan Pengangkutan Jalan Malaysia (MPTA) menunjukkan bahawa 25 peratus daripada kemalangan lori membabitkan pemandu tidak mendapat latihan mencukupi dalam mengendalikan lori besar atau treler.

Tanpa latihan mencukupi, mereka mungkin tidak dapat menghadapi situasi kecemasan dengan baik atau mengendalikan kenderaan besar dan berat dengan betul di jalan sukar atau terbabit kemalangan.

Pihak berkuasa perlu tegas

Pihak berkuasa seperti JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu lebih tegas menguatkuasakan peraturan mengenai had muatan lori dan pemeriksaan kenderaan secara berkala.

Tindakan tegas terhadap lori membawa muatan berlebihan dan pemeriksaan kenderaan secara berkala dapat mengurangkan kemalangan berpunca daripada masalah teknikal.

Selain itu, menjadi satu keperluan untuk disediakan latihan dan kursus pemanduan lebih komprehensif untuk pemandu lori. Latihan ini perlu menekankan aspek pemanduan berhempah, teknik mengendalikan kenderaan besar serta pengetahuan mengenai penyelenggaraan kenderaan.

Penggunaan teknologi seperti Sistem Amaran Brek Kecemasan (AEB), kawalan kestabilan elektronik (ESC)

dan sistem pemantauan tekanan tayar boleh membantu meningkatkan keselamatan lori.

Selain itu sistem pengesanan global (GPS) yang memantau kelajuan kenderaan dan lokasi mereka juga boleh membantu dalam pengawasan kelajuan serta prestasi pemanduan.

Satu lagi aspek penting adalah meningkatkan kualiti dan keselamatan jalan raya seperti pembinaan laluan khas untuk lori besar dan pembaikan jalan licin bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Kawasan berisiko tinggi seperti selekoh tajam dan jalan berbukit harus diberi perhatian lebih dalam aspek penyelenggaraan dan reka bentuknya.

Penyelesaian kepada masalah ini memerlukan kerjasama antara pihak berkuasa, pemandu dan masyarakat untuk meningkatkan keselamatan di jalan raya.

Penguatkuasaan undang-undang lebih ketat terhadap muatan lori, pemeriksaan berkala serta kesedaran kalangan pemandu dan pengusaha lori sangat penting untuk mengurangkan kadar kemalangan.

“Lori membawa muatan berlebihan lebih mudah tergelincir atau terbalik terutama apabila terpaksa mengelak halangan di jalan raya atau ketika menuruni bukit curam”